

ELEMEN PENILAIAN AMALAN *QUDWAH HASANAH* GURU PENDIDIKAN ISLAM MENURUT PERSPEKTIF MURID

Khairulhelmi Katip, Sulaiman Shakib Mohd. Noor, dan Ahmad Marzuki Muhamad
Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia
kyhelmi79@yahoo.com

Abstrak

Qudwah Hasanah guru merupakan elemen penting dalam memberi kesan yang signifikan kepada proses pembelajaran dan pengejaran (PdPc). Secara spesifiknya, guru Pendidikan Islam bukan sahaja memindahkan ilmu pengetahuan secara teori kepada murid tetapi mempraktikkan akhlak mulia untuk dicontohi dan dihayati oleh murid-murid. Namun guru pendidikan Islam tidak mampu menjadikan dirinya sebagai *qudwah hasanah* yang menyebabkan berlakunya krisis akhlak dalam kalangan murid. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti penilaian pengamalan *qudwah hasanah* guru pendidikan Islam berdasarkan perspektif murid berdasarkan Teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura. Seramai 83 orang murid sekolah rendah telah dipilih dalam kajian ini berdasarkan sampel rawak mudah. Responden dikehendaki melengkapkan instrument *qudwah hasanah guru* pendidikan Islam yang mengukur indikator berdasarkan aspek penilaian terhadap *Qudwah al-Fi'liyah*, *Qudwah al-Qauliah* dan *Qudwah al-Sakhsiah*. Data dianalisis dengan menggunakan SPSS v19 untuk mengenalpasti penilaian tersebut. Keputusan menunjukkan GPI mempunyai pengamalan *qudwah hasanah* yang tinggi yang boleh dijadikan ikutan kepada murid. Keputusan kajian ini boleh dijadikan panduan terbaik dalam pelaksanaan amalan-amalan kebaikan guru dalam kehidupan seharian.

Kata Kunci: *Qudwah Hasanah*, *Qudwah al-Fi'liyah*, *Qudwah al-Qauliah* dan *Qudwah al-Sakhsiah*.

1.0 PENDAHULUAN

Falsafah Pendidikan Guru (FPG) telah digubal bagi memberi garis panduan dalam proses pembentukan guru mengikut acuan Kementerian Pendidikan Malaysia. Antara kandungan FPG ialah:

Guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu dan memelihara satu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin.

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001).

Hasrat KPM tersebut dalam melahirkan guru-guru yang mempunyai akhlak yang tinggi serta mempunyai jati diri yang kuat merupakan langkah yang bijak dan berwawasan. Hasrat ini perlu dihayati secara tuntas dan direalisasikan dalam amalan perguruan harian guru. Seiring dengan itu juga, bagi guru pendidikan Islam (GPI) perlu tahu dan bertanggungjawab terhadap Falsafah Pendidikan Islam (FPI) yang bermatlamat melahirkan individu yang bertaqwa, berpengetahuan dan berakhlak mulia. Proses mendidik ini diterangkan dalam FPI:

Pendidikan Islam adalah satu usaha yang berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan berdasarkan al-Qur'an dan as-Sunnah, bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar, negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan akhirat.

Justeru pendidikan Islam perlu diajar oleh guru pendidikan Islam yang berakhlak mulia serta murid dapat menghayati setiap ajaran yang disampaikan dengan mudah untuk diamalkan dalam kehidupan. Ini juga dapat mempersiapkan murid menghadapi cabaran modenisasi dan globalisasi. Dalam hal ini, guru bukan sahaja menyampaikan ilmu mengikut silibus malah menjadi contoh daripada pelbagai aspek kepada murid. Ini kerana guru mempunyai kaitan kuat dengan pembentukan murid sama ada dari segi belajar, motivasi, pencapaian akademik dan juga personaliti murid. Pendapat ini disokong dengan pendapat yang mengatakan guru pendidikan Islam perlu menjiwai tugas sebagai guru dan mempunyai personaliti yang baik agar dapat mempengaruhi pembentukan peribadi murid (Asnuurien Najma Ahmad, 2013) serta menghasilkan murid yang berilmu dan bertaqwa (Tajul Ariffin Noordin et al., 2002).

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kegagalan guru pendidikan Islam dalam menyiapkan murid yang memenuhi inspirasi FPI dilihat melalui banyaknya pelanggaran disiplin dan ketidak patuhan kepada syariat Islam oleh murid. Murid gagal menghayati dan tidak bersikap istiqamah dalam melakukan kebaikan seharian. Dalam hal ini, GPI dilihat gagal memberikan qudwah hasanah yang terbaik untuk diikuti oleh murid. Sebaliknya murid melihat unsur-unsur negatif lebih menarik perhatian untuk dipraktikkan dalam kehidupan seharian.

Lantaran itu, perlu dilihat akhlak GPI itu sendiri yang menjadi punca kepada runtuhnya keberkatan ilmu dan tarbiyah yang disampaikan ke dalam jiwa murid (Rohana Hamzah et al, 2013). Pendapat ini disokong oleh Tamuri (Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary, 2010) yang mengatakan masih terdapat aspek-aspek negatif yang diamalkan oleh GPI seperti terlalu garang, suka memarahi tanpa usul periksa, gemar menghina dan mengutuk pelajar dan ego terhadap diri sendiri.

GPI perlu mempunyai hubungan interpersonal dan intrapersonal yang baik Dengan sifat ini pembelajaran dan pengajaran akan lebih berkesan dan menimbulkan keseronokan belajar murid serta dapat membantu guru bersikap pemaarah dan stress. Hubungan dengan murid lebih baik dan rapat. Namun kajian Bahagian Pendidikan Islam (1993) menyatakan bahawa, GPI tidak mempraktikkan ajaran Islam secara syumul dalam aspek hubungan interpersonal dan intrapersonal positif. GPI juga mempunyai sifat interpersonal di tahap yang sederhana sahaja (Shahril @ Charil Marzuki, 2002).


Kegagalan menunjukkan contoh yang baik juga dilihat apabila guru lemah dalam menunjukkan tahap penguasaan ilmu dan pengkaedahan pembelajaran serta pengajaran yang tinggi termasuk penggunaan TMK semasa melaksanakan pdp di dalam kelas (Asnuurien Najma Ahmad, 2013; Kamarul Azmi bin Jasmi, 2011). GPI lebih suka, selesa dan mudah melaksanakan pdp dengan cara lama tanpa menggunakan alat bantuan mengajar yang terkini. Murid akan mudah rasa bosan apabila murid hanya menggunakan pancaindera telinga dalam sesuatu interaksi tersebut.

Justeru amalan qudwah hasanah perlu diamalkan oleh GPI secara syumul dan istiqamah kerana gpi sering menjadi perhatian dan menjadi *batch mark* dalam amalan syariat Islam oleh guru dan murid.

3.0 TEORI PEMBELAJARAN SOSIAL

Menurut Albert Bandura (1999), manusia bertindak balas terhadap pemerhatian yang dilaksanakannya melalui pancaindera mata, lidah dan telinga. Melaluinya proses pembelajaran berlaku secara semula jadi dan merangsang interaksi sosial yang lain.

Dalam hal ini, perlakuan manusia merangkumi zahiriah dan batiniah. Aspek batiniah sukar dikawal serta ia mengawal tingkah laku zahiriah manusia (Fariza, Salasiah Hanin & Mohd. Jurairi Sharifuddin, 2013). Manusia tidak boleh melihat pemikiran dan emosi seseorang melainkan apabila telah dizahirkan melalui tingkah laku dan perlakuan manusia.



Rajah 1: Teori Rangsangan Albert Bandura

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan sepertimana dinyatakan dibawah:

- (a) Untuk mengenal pasti penilaian murid terhadap qudwah hasanah guru pendidikan Islam.

5.0 METODOLOGI

Bagi memenuhi objektif ini, pengkaji memilih kajian deskriptif dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Teknik utama yang digunakan bagi mengumpul data ialah soal selidik sepertimana yang dicadangkan oleh beberapa pengkaji. Populasi bagi kajian ini ialah semua murid Islam tahun 6 di sekolah-sekolah rendah bantuan kerajaan di daerah Kulai. Namun dalam ini pengkaji telah memilih seramai 83 murid tahun 6 di tiga buah sekolah dalam daerah Kulai.

Instrumen yang digunakan dibina sendiri oleh pengkaji berdasarkan Teori Nasir al-Ulwan. Soal selidik dibahagikan kepada tiga konstruk iaitu qudwah al-Qauliah(10 soalan), qudwah al-Fi'liah(10 soalan) dan qudwah al-Sakhsiah(10 soalan). Murid dikehendaki memilih persetujuan berdasarkan 5 pilihan jawapan (1: Sangat Tidak Setuju – 5 : Sangat Setuju). Penganalisan data kajian ini dilakukan menggunakan SPSS versi 19.0 dengan petunjuk min, frekuensi dan peratus.

6.0 DAPATAN KAJIAN

6.1 Latar Belakang Responden

Jadual 1 menunjukkan taburan dan kekerapan mengikut jantina murid tahun 6 sekolah rendah yang terlibat dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada 46 (49.5%) murid lelaki dan 47 (50.5%) murid perempuan.

Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Jantina.

Jantina	Kekerapan	Peratusan (%)
Lelaki	46	49.5
Perempuan	47	50.5
Jumlah	93	100

$N = 93$

6.1.1 Nilai Kebolehpercayaan Kajian

Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar(1999), berdasarkan Pekali Alpha Cronbach, nilai yang boleh diterima dalam satu kajian ialah 0.8 – 1.0 seperti yang terdapat dalam Jadual 2.

Jadual 2: Jadual Pekali Alpha Cronbach

Nilai	Tahap	Rumusan
0.0 – 0.2	Rendah	Ubah semua item
0.2 – 0.8	Sederhana	Ubah sebilangan item
0.8 – 1.0	Tinggi	Item boleh diterima

Oleh yang demikian, tahap kebolehpercayaan item soal selidik yang telah dibina adalah 0.95 dan berada pada tahap tinggi di mana semua item boleh diterima. Oleh itu, soal selidik yang dibina oleh pengkaji boleh digunakan untuk kajian sebenar.

6.2 Elemen Penilaian Qudwah Hasanah

Pengkaji menggunakan interpretasi min(Mohd Majid Konting, 2000)bagi menentukan nilai min yang berada pada tahap rendah, sederhana dan tinggi(Jadual 2).

Jadual 3: Jadual Interpretasi Min

Kod Kumpulan	Julat	Tahap
1	0.1 – 2.33	Rendah
2	2.34 – 3.67	Sederhana
3	3.68 – 5.00	Tinggi

Berdasarkan jadual 4,5 dan 6 menunjukkan analisis item mengikut kekerapan, peratus dan min tentang penilaian murid berkaitan qudwah hasanah guru pendidikan Islam. Berdasarkan dapatan kajian didapati kesemua item berada di tahap yang tinggi iaitu antara julat 3.68 – 5.

6.3 Qudwah al-Qauliah

Berdasarkan dapatan kajian qudwah al-Kalamiah , pengkaji mendapati skor min tertinggi ialah GPI seorang yang “memberi salam” (Min=4.71). Murid juga bersetuju bahawa GPI seorang yang “berkata benar” dan memperoleh skor min yang kedua tertinggi(Min=4.68). Seterusnya item “bercakap dengan sopan” memperoleh skor min ketiga tertinggi(Min=4.67). Seterusnya,

murid turut bersetuju bahawa GPI “memberi nasihat” (Min=4.66). Murid juga menggemari GPI “tegas pada sesuatu perkara (Min=4.56). Murid juga mendapati GPI “tidak mengecilkan kelemahan murid (Min=4.53). GPI juga seorang yang “bercakap dengan jelas dan tidak laju (Min=4.48). Ditambah lagi GPI suka “menggunakan perkataan yang baik-baik” (Min=4.41). GPI juga sering “bercakap lemah lembut (Min=4.34) dan “memberikan pujian” (Min=4.25). Semua qudwah al-Kalamiah guru pendidikan Islam boleh dirujuk pada jadual 3.

Jadual 4: Analisis Ukuran Item Qudwah al-Qauliah Guru Pendidikan Islam

No.	Item	Skala					
		1	2	3	4	5	Min
A1	Bercakap dengan sopan.	1 (1.1%)	0	3 (3.2%)	21 (2.6%)	68 (73.1%)	4.67
A2	Memberi nasihat.	0	0	4 (4.3%)	24 (25.8%)	65 (6.9%)	4.66
A3	Berkata benar.	0	0	4 (4.3%)	22 (23.7%)	67 (72%)	4.68
A4	Bercakap dengan jelas dan tidak terlalu cepat.	0	0	12 (12.9%)	24 (25.8%)	57 (61.3%)	4.48
A5	Memberikan pujian.	0	1 (1.1%)	18 (19.4%)	31 (33.3%)	43 (46.2%)	4.25
A6	Memberi salam.	0	0	3 (3.2%)	21 (22.6%)	69 (74.2%)	4.71
A7	Menggunakan perkataan yang baik-baik.	4 (4.3%)	3 (3.2%)	4 (4.3%)	22 (23.7%)	60 (64.5%)	4.41
A8	Bercakap lemah lembut.	2 (2.2%)	1 (1.1%)	13 (14%)	24 (25.8%)	53 (57%)	4.34
A9	Tegas pada sesuatu perkara.	0	1 (1.1%)	3 (3.2%)	32 (34.4%)	57 (61.3%)	4.56
A10	Tidak mengecilkan kelemahan murid.	2 (2.2%)	2 (2.2%)	5 (5.4%)	20 (21.5%)	64 (68.8%)	4.53
Min Purata							4.53

6.4 Qudwah al-Fi’liyah

Terdapat beberapa item yang dilihat mempunyai skor yang tinggi seperti “berbuat baik” (Min=4.74), “membimbing perkara yang baik” (Min=4.65), “membina semangat murid” (Min=4.58), “mengetuai aktiviti agama” (Min=4.57), “menunjukkan keinginan untuk membantu” (Min=4.56) dan “tidak ketawa terbahak-bahak” (Min=4.52). Selain itu terdapat juga item-item lain yang masih mempunyai tahap skor tinggi iaitu item “tidak banyak ketawa” (Min=4.31), “bertegur apabila bertemu” (Min=4.22), “mudah didekati” (Min=4.34) dan “masuk kelas pada waktunya” (Min=4.27).

Jadual 5: Analisis Ukuran Item Qudwah al-Fi’liyah Guru Pendidikan Islam

No.	Item	Skala					
		1	2	3	4	5	Min
B1	Berbuat baik.	0	0	3 (3.2%)	18 (19.4%)	72 (77.4%)	4.74
B2	Membimbing perkara yang baik.	2 (2.2%)	0	3 (3.2%)	19 (20.4%)	69 (74.2%)	4.65
B3	Menunjukkan keinginan untuk membantu.	0	1 (1.1%)	7 (7.5%)	24 (25.8%)	61 (65.6%)	4.56

B4	Tidak ketawa terbahak-bahak.	0	1 (1.1%)	6 (6.5%)	30 (32.3%)	56 (60.2%)	4.52
B5	Tidak banyak ketawa.	2 (2.2%)	3 (3.2%)	10 (10.8%)	27 (29%)	51 (54.8%)	4.31
B6	Bertegur apabila bertemu.	1 (1.1%)	3 (3.2%)	16 (17.2%)	28 (30.1%)	45 (48.4%)	4.22
B7	Mudah didekati.	2 (2.2%)	1 (1.1%)	10 (10.8%)	30 (32.3%)	50 (53.8%)	4.34
B8	Masuk kelas pada waktunya.	0	2 (2.2%)	20 (21.5%)	22 (23.7%)	49 (52.7%)	4.27
B9	Membina semangat murid.	0	2 (2.2%)	3 (3.2%)	27 (29%)	61 (65.6%)	4.58
B10	Mengetuai aktiviti agama.	1 (1.1%)	0	4 (4.3%)	28 (30.1%)	60 (64.5%)	4.57
Min Purata							4.48

6.5 Qudwah al-Jasadiyyah

Secara keseluruhannya, skor min bagi domain qudwah al-Jasadiyyah guru pendidikan Islam berada pada tahap tinggi dengan skor min 4.74 Ini bererti guru pendidikan Islam mempunyai qudwah al-Jasadiyyah pada tahap tinggi. Antara item yang mempunyai min skor yang tinggi seperti “menutup aurat”(Min=4.88), “berpakaian sesuai sebagai seorang guru”(Min=4.8), “berpakaian bersih”(Min=4.85), “tudung/rambut kemas”(Min=4.76), “tidak berbau busuk”(Min=4.73) dan “tidak berhias berlebih-lebihan”(Min=4.65). Manakala item terendah “menunjukkan wajah yang menyenangkan”(Min=4.58) dan item “tidak membela kuku panjang” (Min=4.61). Namun masih dikategorikan dalam kelompok tahap tinggi.

Jadual 6: Analisis Ukuran Item Qudwah al-Sahsiyah Guru Pendidikan Islam

No.	Item	Skala					Min
		1	2	3	4	5	
C1	Menutup aurat.	0	0	1 (1.1%)	9 (9.7%)	83 (89.2%)	4.88
C2	Tidak berhias dengan berlebihan.	1 (1.1%)	0	2 (2.2%)	19 (20.4%)	71 (76.3%)	4.71
C3	Berpakaian sopan.	0	0	1 (1.1%)	13 (14%)	79 (84.9%)	4.84
C4	Berpakaian bersih.	0	0	1 (1.1%)	12 (12.9%)	80 (86%)	4.85
C5	Berpakaian tidak menjolok mata.	3 (3.2%)	1 (1.1%)	3 (3.2%)	12 (12.9%)	74 (79.6%)	4.65
C6	Berpakaian sesuai sebagai seorang guru.	1 (1.1%)	0	1 (1.1%)	13 (14%)	78 (83.9%)	4.8
C7	Tidak berbau busuk.	1 (1.1%)	1 (1.1%)	2 (2.2%)	14 (15.1%)	75 (80.6%)	4.73
C8	Tudung/rambut kemas.	0	1 (1.1%)	2 (2.2%)	15 (16%)	75 (80.6%)	4.76
C9	Tidak membela kuku panjang.	2 (2.2%)	2 (2.2%)	5 (5.4%)	12 (12.9%)	72 (77.4%)	4.61
C10	Menunjukkan wajah yang menyenangkan.	0	2 (2.2%)	5 (5.4%)	23 (24.7%)	63 (67.7%)	4.58
Min Purata							4.74

7.0 PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian di atas, ternyata bahawa min purata tertinggi ialah aspek qudwah hasanah 4.74 menyatakan bahawa personaliti guru pendidikan Islam yang paling diperhatikan oleh murid ialah qudwah al-sahsiah. Setiap daripada murid mempunyai hati dan perasaan yang sama. Mereka berasa suka melihat sesuatu yang dizahirkan seperti berpakaian, berbau harum dan berwajah mudah didekati. Ciri personaliti ini membolehkan murid menilai secara keseluruhan secara imbas sama ada guru tersebut mengamalkan berpakaian mengikut etika islam atau tidak.

Dapatan ini menyokong kajian yang menunjukkan penilaian murid terhadap GPI lebih utama serta menyokong bahawa GPI berpenampilan dengan menarik, kemas serta menutup aurat (Ab. Halim Tamuri & Khadijah Abdul Razak, 2016; Kamarul Azmi bin Jasmi, 2010; Jaafar & Rashed, 2015). Aspek non verbal ini memberikan gambaran bahawa murid mudah terpengaruh dan memberi kesan yang lebih apabila menggunakan pancaindera mata. Dengan pengamatan menggunakan penglihatan kemampuan berfikir semakin meningkat dan memberikan daya jangkaan atau penilaian terhadap sesuatu perkara. GPI perlu istiqomah dalam menarik perhatian murid dengan menampilkan syariat Islam. Namun penilaian mata tidak memberikan gambaran keseluruhan atau kebenarannya dan memerlukan sumbangan elemen lain bagi menyokong dapatan penglihatan tersebut.

Qudwah al-Qauliah pula merupakan indikator kedua terbaik yang boleh menjadi contoh perbuatan GPI kepada murid dengan min 4.53. Item "*memberi salam*" dengan min 4.71 menunjukkan GPI akan memberi salam terlebih dahulu apabila berjumpa dengan murid. Item "*berkata benar*" dengan min 4.68 memberi gambaran GPI menggunakan lidah dengan hanya berkata perkara-perkara yang seiring dengan ajaran Islam. GPI merupakan seorang yang menjaga kata-kata dan akan memastikan kata-katanya tidak menyinggung perasaan orang iaitu Item "*bercakap dengan sopan*" dengan min 4.67.

Selari dengan dapatan ini, GPI berkemampuan menggunakan pancaindera lidah dengan melazimi kata-kata yang sopan, benar dan baik khususnya semasa berinteraksi dengan murid di dalam atau luar kelas (Salbiah Mohamad Salleh et al, 2016; Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak, 2016; Zaharah Hussin, 2005). Kemampuan menonjolkan komunikasi lisan yang berkesan dapat meningkatkan penyampaian dalam mencapai objektif pembelajaran dan pengajaran dengan berkesan serta tidak membosankan. Dalam hal ini, GPI perlu jujur dan ikhlas dalam melafazkan kata-kata motivasi secara berterusan bagi memperkembangkan potensi yang ada dalam diri setiap murid.

Manakala indikator qudwah al-Fi'liyah dengan min 4.48 merupakan amalan perbuatan yang sering GPI lakukan. Item "*berbuat baik*" dengan min 4.74 merupakan GPI sering membuat perkara-perkara yang membuatkan orang lain suka. Item "*membimbing perkara yang baik*" dengan min 4.65 yang menunjukkan GPI seorang yang sentiasa mengajar hanya perkara-perkara kebaikan kepada semua orang. Item "*membina semangat murid*" dengan min 4.58 GPI bertindak sebagai motivator kepada murid agar sentiasa ingin memajukan diri kepada kebaikan.

Bertepatan dengan dapatan ini, aspek al-fi'liyah menunjukkan tahap penilaian murid adalah paling rendah berbanding sahsiah dan al-qaualiah (Khairul Anuar A. Rahman, 2012); namun masih menunjukkan tahap penilaian murid yang baik. Dalam hal ini, nilai perbuatan GPI tidak memberikan kesan yang serta merta berbanding aspek yang lain dan ia mungkin menjadi faktor penyumbang tidak pekanya murid terhadap pengorbanan GPI. Walau bagaimanapun, ia akan mudah terasa bagi orang yang benar-benar menghayati dan memahami sesuatu situasi tersebut.

8.0 KESIMPULAN

GPI di Malaysia telah mengamalkan dan menunjukkan dalam kehidupan seharian dengan amalan yang selari dengan syariat Islam. GPI tidak melanggar etika Islam yang dipegang dan diketahui serta yang telah disampaikan kepada murid-murid melalui pendidikan formal di dalam kelas. Pancaindera mata yang murid-murid lihat melalui perlakuan GPI dan telinga yang murid-murid dengar di dalam kelas selari dalam amalan kebaikan seharian GPI. Seterusnya, amalan-amalan tersebut menjadi contoh tauladan terhampir kepada murid untuk diikuti dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Ini juga selaras dengan konsep muaddib GPI sebagai panduan, model atau pemimpin kebaikan pembinaan dan pembangunan diri murid (Tarmizi, Bakar, & Halim Tamuri, 2013).

9.0 RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak, M. A. C. N. & M. I. H. (2016). Persepsi Murid-murid Terhadap Amalan Guru Pendidikan Islam di Malaysia. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 3(2), 18–40.
- Ab. Halim Tamuri, Mohamad Khairul Azman Ajuhary. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu ‘ allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43–56.
- Asnuurien Najma Ahmad, A. N. M. (2013). Pengaruh Personaliti Guru Pendidikan Islam Terhadap Pembentukan Peribadi Murid. In *Regional Conference on School and Teacher Competence Duties & Character*.
- Bahagian Pendidikan Islam. (1993). *Kajian mata pelajaran Pendidikan Islam dan guru-guru Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan di semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: : Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bandura, A. (1999). Social Cognitive Theory of Personality. In *Handbook of Personality* (2nd ed., pp. 154–196). New York: Guilford Publications.
- Fariza Md. Sham, Salasiah Hanin Hamjah, & Mohd. Jurairi Sharifuddin. (2013). *Personaliti dari Perspektif Al-Ghazali*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jaafar, N., & Rashed, Z. N. (2015). Model Kualiti Guru Pendidikan Islam Sebagai Murabbi. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 1(1), 101–108.
- Kamarul Azmi bin Jasmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. UNiversiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi bin Jasmi. (2011). Pendidikan Islam: Cabaran di Alaf Baru. *Seminar Pendidikan Islam*, 1–15.
- Khairul Anuar A. Rahman. (2012). Disposisi Guru Berkesan: Personaliti dan Kemahiran Komunikasi. *Akademika*, 82(2), 37–44. Retrieved from
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. (4, Ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohana Hamzah, Tengku Norzaini Tengku Ibrahim, Sarimah Ismail, Ros Eliana Ahmad Zuki. (2013). Pembangunan Jiwa Pendidik dalam Kalangan Bakal Pendidik. *Jurnal Teknologi*, 61(1), 27–31.
- Salbiah Mohamad Salleh, Jamil Ahmad, Mohd Aderi Che Noh, Ahmad Sahli Hasan, Mazzlida Mat Deli. (2016). Eksplorasi Karektor Akhlak Guru. *International Conference on Education and Regional Development*, 2016(November).

- Shahril @ Charil Marzuki. (2002). Ciri-ciri Guru yang Unggul: Satu Kajian Kes di Beberapa Buah Sekolah Menengah di Malaysia. *Jurnal Pendidikan*, 22.
- Tajul Ariffin Noordin, Nor'Aini Ahmad. (2002). *Pendidikan dan Pembangunan Manusia*. Selangor Darul Ehsan: As-Syabab Media.
- Tarmizi, A., Bakar, A., & Halim Tamuri, A. (2013). Guru Pendidikan Islam (GPI) Sebagai Pendidik Dan Daie Sepanjang Zaman: Satu Analisis. In *Prosiding Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam [SePPIM'13]* (pp. 371–385).
- Zaharah Hussin. (2005). Mendidik Generasi Berakhlak Mulia: Fokus Peranan Guru Pendidikan Islam. *Masalah Pendidikan*, (February).